Kevin Liang Chin Boon lwn Pendakwa Raya dan satu lagi rayuan

MAHKAMAH RAYUAN (PUTRAJAYA) — RAYUAN JENAYAH NO B-05(M)-140–04 TAHUN 2023 DAN B-05(M)-141–04 TAHUN 2023

AHMAD ZAIDI IBRAHIM, AZMAN ABDULLAH AND AZMI ARIFFIN HHMR

12 DISEMBER 2024

Prosedur Jenayah — Rayuan — Rayuan terhadap sabitan dan hukuman — Tertuduh-tertuduh disabitkan bersalah atas kesalahan mengedar dadah dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati — Sama ada hakim bicara terkhilaf kerana gagal menilai keterangan secara maksima apabila tidak mengambil kira ketiadaan keterangan sokongan seperti rakaman CCTV bagi menunjukkan keadaan sebenar yang terjadi semasa kejadian — Sama ada telah dibuktikan bahawa kedua-dua tertuduh dengan niat bersama telah mengedar dadah berbahaya — Sama ada pihak pembelaan berjaya menimbulkan keraguan munasabah — Sama ada pihak pembelaan berjaya mematahkan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952 — Sama ada hukuman gantung sampai mati harus digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama 30 tahun dan 12 kali sebatan — Akta Dadah Berbahaya ss 37(d), 39B(1)(a) & (2) — Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 — Kanun Keseksaan s 34

Tertuduh pertama dan tertuduh kedua telah dituduh dengan kesalahan mengedar dadah berbahaya jenis methamphetamine di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 ('ADB') yang boleh dihukum di bawah s 39B(2) ADB dibaca bersama s 34 Kanun Keseksaan. Kes pihak pendakwaan adalah berdasarkan kepada keterangan oleh saksi-saksi pendakwaan, antaranya, keterangan seorang pegawai polis ('SP5') yang mengetuai satu pasukan pegawai dan anggota polis bagi menjalankan pemerhatian di kawasan hadapan sebuah kedai makan yang terletak di Bandar Baru Bangi. Berdasarkan keterangan SP5, semasa pemerhatian tersebut dijalankan, beliau melihat tertuduh pertama dan teman wanitanya ('SD3') telah keluar dari kereta jenis Nissan Teana dan duduk di kedai makan tersebut. Pada masa yang sama, tertuduh kedua bersama dengan dua orang wanita iaitu SP9 dan Pauline keluar dari sebuah kereta Perodua Kembara dan duduk bersama tertuduh pertama dan SD3. Tertuduh pertama kemudiannya telah pergi ke kereta Perodua Kembara tersebut dan mengambil satu beg plastik berzip ('P18') dan menghala semula ke kedai makan tersebut. Ketika inilah tertuduh pertama ditahan dan SP5 merampas P18 dari tangan tertuduh pertama. Pada masa yang sama, tertuduh kedua, SD3, SP9 dan Pauline turut ditahan. SP5 kemudiannya

membuat pemeriksaan ke atas P18 dan menemui dadah seperti yang dinyatakan dalam pertuduhan. Tertuduh pertama dalam pembelaannya menyatakan bahawa pihak polis telah menahannya di hadapan kedai makan tersebut ketika dia sedang merokok tanpa memegang apa-apa beg dan P18 hanyalah ditunjukkan kepadanya semasa dia dibawa ke balai polis. Tertuduh kedua pula membangkitkan pembelaan 'cut throat' dan 'innocent carrier' di mana dia mendakwa bahawa dia telah diminta oleh tertuduh pertama untuk membawa P18 dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur untuk dihantarkan kepada tertuduh pertama dan dia tidak pernah memeriksa kandungan P18 tersebut. Pada akhir kes, mahkamah bicara mensabitkan tertuduh pertama dan tertuduh kedua atas kesalahan mengedar dadah dan menjatuhkan hukuman gantung sampai mati. Tidak berpuas hati dengan keputusan tersebut, kedua-dua tertuduh memfailkan dua rayuan berasingan. Peguam tertuduh pertama berhujah bahawa hakim bicara telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta kerana gagal menilai keterangan secara maksima apabila tidak mengambil kira ketiadaan keterangan sokongan seperti rakaman CCTV di tempat kejadian bagi menunjukkan keadaan sebenar yang terjadi semasa kejadian.

Diputuskan, menolak rayuan tertuduh kedua terhadap sabitan, membenarkan rayuan tertuduh kedua terhadap hukuman, mengenepikan hukuman gantung sampai mati dan menggantikannya dengan hukuman pemenjaraan selama 30 tahun dari tarikh tangkap dan 12 kali sebatan:

(1) Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, pada awalnya P18 yang mengandungi dadah tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh kedua di Johor Bahru sebelum ianya bertukar tangan kepada tertuduh pertama di Bangi. Laungan tertuduh kedua menjerit perkataan 'lari, lari, lari' di dalam Bahasa Cina kepada SD3, SP9 dan Pauline sebaik sahaja tertuduh kedua melihat tertuduh pertama ditangkap, membuktikan kedua-dua tertuduh mempunyai pengetahuan bahawa beg tersebut mengandungi dadah berbahaya. Selain itu, berdasarkan kepada rentetan keterangan yang dikemukakan, perjumpaan kedua-kedua tertuduh dan rakan-rakan mereka di kedai makan tersebut bukan berlaku secara kebetulan. Ianya terjadi hasil daripada perancangan awal (*pre-arranged plan*) yang direncanakan (*orchestrated*) oleh kedua-dua tertuduh sebelum mereka ditangkap (lihat perenggan 43–44).

(2) Mengikut keterangan tertuduh pertama, dia ditangkap semasa sedang menghisap rokok di tempat parkir kereta dan bukannya sepertimana dakwaan SP5 bahawa dia ditahan semasa sedang memegang P18 memberi tanggapan bahawa pihak polis sengaja hendak mengenakannya sedangkan dadah tersebut bukan berada di dalam kawalan eksklusif tertuduh pertama. Malangnya, tiada keterangan yang dapat dibuktikan oleh pihak pembelaan bahawa berlakunya penganiayaan oleh pihak polis terhadap tertuduh-tertuduh (lihat perenggan 46).

(3) Tertuduh pertama telah ditangkap ketika sedang memegang P18. Apa lagi yang tertuduh pertama hendak katakan selain daripada terpaksa menafikan mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut. Di dalam situasi sebegini, keterangan CCTV hanya mempunyai nilai sokongan yang kecil sahaja. Keterangan CCTV hanyalah releven dan mempunyai kesan yang ketara (*significant*) bila identiti seseorang menjadi isu pertikaian utama, namun kes seperti itu tidak berlaku di hadapan mahkamah dalam kes semasa (lihat perenggan 49).

(4) Setelah meneliti keseluruhan kes pendakwaan dan pembelaan, mahkamah mendapati bahawa: (a) pihak pembelaan telah gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan; (b) pihak pembelaan gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) ADB; dan (c) terdapat keterangan melimpah ruah yang mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan pertuduhan di dalam kes ini di mana telah dibuktikan secara jelas kedua-dua mereka dengan niat bersama telah mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 3,806.7g tersebut. Justeru itu, mahkamah sebulat suara mendapati tiada merit di dalam rayuan terhadap sabitan bagi mewajarkan mahkamah campur tangan terhadap dapatan yang telah dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana (lihat perenggan 42 & 53–54).

(5) Dengan berkuatkuasanya Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) pada 4 Julai 2023, mahkamah boleh mempertimbangkan pelbagai faktor di dalam melaksanakan kuasa budibicaranya untuk menentukan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup (30 tahun) dan hendaklah jika tidak dihukum mati, dikenakan tidak kurang daripada 12 kali sebatan. Walaupun jumlah berat dadah dalam kes semasa adalah besar, namun, mahkamah juga harus mengambil kira faktor-faktor sampingan lain termasuklah rayuan peringanan dan pemberatan hukuman. Setelah mempertimbangkan faktor-faktor tersebut, mahkamah mengenepikan hukuman gantung sampai mati dan menggantikannya dengan hukuman pemenjaraan selama 30 tahun dari tarikh tangkap dan 12 kali sebatan (lihat perenggan 56–57).

[English summary

The first and second accused were charged with the offence of trafficking in methamphetamine under s 39B(1)(a) of the Dangerous Drugs Act 1952 ('the DDA') punishable under s 39B(2) of the DDA read with s 34 of the Penal Code. The prosecution's case was based on the evidence of the prosecution witnesses, among others, the evidence of a police officer ('SP5') who led a team of officers and police personnel to conduct an observation in front of a restaurant located in Bandar Baru Bangi. Based on SP5's evidence, during the

observation, he saw the first accused and his girlfriend ('SD3') get out of a Nissan Teana car and sat in the restaurant. At the same time, the second accused together with two women, namely SP9 and Pauline, get out of a Perodua Kembara car and sat with the first accused and SD3. The first accused then went to the Perodua Kembara car and took a plastic zip-lock bag ('P18') and headed back to the restaurant. At this time, the first accused was arrested and SP5 seized P18 from the first accused. At the same time, the second accused, SD3, SP9 and Pauline were also arrested. SP5 then searched P18 and found drugs as stated in the charge. The first accused in his defence stated that the police had arrested him in front of the restaurant while he was smoking without holding any bag and P18 was only shown to him when he was taken to the police station. The second accused raised the 'cut throat' and 'innocent carrier' defences where he claimed that he was asked by the first accused to bring P18 from Johor Bahru to Kuala Lumpur to be delivered to the first accused and that he never checked the contents of P18. At the end of the case, the trial court convicted the first accused and the second accused of drug trafficking offence and sentenced them to death by hanging. Dissatisfied with the decision, both accused filed two separate appeals. The first accused's counsel argued that the trial judge erred in law and fact by failing to assess the evidence as a whole when he did not take into account the absence of supporting evidence such as CCTV footage at the scene to show the actual circumstances that occurred during the incident.

Held, dismissing the second accused's appeal against conviction, allowing the second accused's appeal against sentence, setting aside the death sentence and substituting it with a sentence of imprisonment for 30 years from the date of arrest and 12 strokes of the cane:

(1) Based on the evidence presented, initially the P18 containing the drugs was in the control and custody of the second accused in Johor Bahru before it changed hands to the first accused in Bangi. The second accused shouted the words 'run, run, run' in Chinese to SD3, SP9 and Pauline as soon as the second accused saw the first accused being arrested, proving that both accused had knowledge that the bag contained dangerous drugs. In addition, based on the series of evidence presented, the meeting of the two accused and their friends at the restaurant did not happen by chance. It happened as a result of a pre-arranged plan orchestrated by both accused before they were arrested (see paras 43–44).

(2) According to the first accused's evidence, he was arrested while smoking a cigarette in the car park and not as per SP5's claim that he was arrested while holding P18, giving the impression that the police deliberately wanted to frame him when the drug was not in the exclusive control of the first accused. Unfortunately, there was no evidence established by the defence that could prove that the police had framed both the accused (see para 46).

(3) The first accused was arrested while in possession of P18. What else could the first accused have said other than to deny having knowledge of the drugs. In such a situation, CCTV evidence had only a small supporting value. CCTV evidence was only relevant and significant when the identity of a person was the main issue in dispute, but such a case did not arise before the court in the present case (see para 49).

(4) Having examined the entire prosecution and defence case, the court found that: (a) the defence had failed to raise any reasonable doubt on the prosecution's case; (b) the defence had failed to rebut the presumption under s 37(d) of the DDA; and (c) there was overwhelming evidence linking the two accused to the charge in the present case where it was clearly proven that both of them with common intention were trafficking in dangerous drugs, namely methamphetamine weighing 3,806.7g. Therefore, the court unanimously found that there was no merit in the appeal against conviction to justify the court interfering with the findings by the learned High Court judge (see paras 42 & 53–54).

(5) With the coming into force of the Abolition of Mandatory Death Penalty Act 2023 (Act 846) on 4 July 2023, the court may consider various factors in exercising its discretion to determine the appropriate sentence for the offence committed, either to impose a death sentence or life imprisonment (30 years) and shall, if not sentenced to death, be subject to not less than 12 strokes of the cane. Although the amount of drugs involved in the present case was big, the court must also take into account other ancillary factors including plea of mitigation and aggravating factors. Having considered these factors, the court set aside the death sentence and substituted it with a sentence of imprisonment for 30 years from the date of arrest and 12 strokes of the cane (see paras 56–57).]

Kes-kes yang dirujuk

Krishna Rao a/l Gurumurthi v PP and another appeal [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603, MP (dirujuk)

Pendakwa Raya lwn Mohd Yusrizan bin Mohd Yusof dan satu lagi [2024] MLJU 161, MT (dirujuk)

Pendakwa Raya v Mansor bin Mohd Rashid & Anor [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, MP (dirujuk)

PP v Badrulsham bin Baharom [1988] 2 MLJ 585; [1987] 1 LNS 72; [1987] CLJU 72 (dirujuk)

PP v Ebrahim Mirzaie Hj Ebrahim Deh Mokhtar [2017] 3 MLJ 827; [2017] 1 CLJ 575, MR (dirujuk)

Wan Amirul Mubin bin Wan Kamaruddin v PP [2017] MLJU 1253; [2017] 1 LNS 1478, MT (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Dadah Berbahaya 1952 ss 37(d), 39B(1)(a), (2)

Rayuan daripada: *Pendakwa Raya lwn Mohd Yusrizan bin Mohd Yusof dan satu lagi* [2024] MLJU 161 (Mahkamah Tinggi, Klang)

Ridha Abdah bin Subri (Adhwa' Afiqah bt Mohd Azmi bersamanya) (Ridha & Co) bagi pihak perayu.

Mohd Amril bin Johari (Timbalan Pendakwa Raya, Jabatan Peguam Negara) bagi pihak responden.

Azmi Ariffin HMR:

MUKADIMAH

[1] Pendakwaan terhadap kedua-dua perayu ini bermula di Mahkamah Tinggi Shah Alam, Selangor Darul Ehsan di atas pertuduhan berikut:

> Bahawa kamu bersama-sama pada 4 April 2019, jam lebih kurang 2.00 petang, bertempat di hadapan kedai makan Chill N Santai, Bangi Gateway, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, di dalam daerah Hulu Langat, di dalam Negeri Selangor Darul Ehsan telah mengedar dadah berbahaya iaitu Methamphetamine seberat 3806.7 gram, dan dengan itu kamu telah melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 yang boleh dihukum di bawah seksyen 39B(2) Akta yang sama dibaca bersama seksyen 34 Kanun Keseksaan.

[2] Kedua-dua perayu tidak mengaku bersalah terhadap pertuduhan tersebut dan memohon untuk dibicarakan.

[3] Di akhir kes pendakwaan, hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan suatu kes prima facie terhadap kedua-dua perayu dan mereka telah dipanggil untuk membela diri.

[4] Di akhir kes pembelaan, pada 21 Mac 2023 kedua-dua perayu telah didapati bersalah, disabitkan dan dijatuhkan hukuman gantung sampai mati di bawah s 39B(2) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[5] Terkilan dengan keputusan tersebut, pada 29 Mac 2023, kedua-dua perayu telah memfailkan notis rayuan secara berasingan ke Mahkamah Rayuan Malaysia terhadap sabitan dan hukuman tersebut.

[6] Bagi memudahkan rujukan, selepas ini kami akan merujuk Mohd Yusrizan bin Mohd Yusof sebagai tertuduh pertama dan Kevin Liang Chin

Boon sebagai tertuduh kedua sebagaimana panggilan mereka di Mahkamah Tinggi.

FAKTA KES PENDAKWAAN

[7] Pada 4 April 2019, jam lebih kurang 2.00 petang, P/DSP Saravanan a/l Diwanantong ('SP5') telah mengetuai satu pasukan pegawai dan anggota polis bagi menjalankan pemerhatian di kawasan hadapan kedai makan Chill N Santai, Bangi Gateway, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Hulu Langat, Selangor.

[8] Lebih kurang 15 minit kemudian, SP5 melihat sebuah kereta jenis Nissan Teana, warna hitam, No Pendaftaran WXY 9101 dan diikuti oleh sebuah kereta jenis Perodua Kembara, warna merah, No pendaftaran BGE 9507 masuk dan berhenti di kawasan hadapan kedai makan Chill N Santai, Bangi Gateway, Seksyen 15, Bandar Baru Bangi, Kajang, Selangor.

[9] Kemudian saya nampak tertuduh pertama dan satu wanita Melayu Roslina bt Sirun ('SD3') keluar dari kereta Nissan Teana menghala ke kedai makan Chill N Santai dan duduk di sebuah meja di kedai tersebut. Pada masa yang sama SP5 juga melihat tertuduh kedua dan dua orang wanita Cina iaitu Angela Ong May Hsia ('SP9') dan Pauline Ong May Lian telah keluar dari kereta Perodua Kembara menghala ke kedai makan yang sama dan duduk bersama tertuduh pertama dan SD3.

[10] Lebih kurang sepuluh minit kemudian, SP5 nampak tertuduh pertama berjalan menghala ke kereta Perodua Kembara No Pendaftaran BGE 9507 dan membuka pintu penumpang hadapan sebelah kiri.

[11] SP5 melihat tertuduh pertama telah mengambil satu beg plastik berzip ('eksh P18') dan menghala semula ke kedai makan tersebut. SP5 bersama D/Kpl Norisham, D/Kpl Faizal dan Konstable Azfar telah menahan tertuduh pertama dan SP5 memperkenalkan dirinya sebagai pegawai polis dengan menunjukkan kad kuasa serta merampas eksh P18 dari tangan kanan tertuduh pertama.

[12] Pada masa yang sama Insp Mohd Rashshidy bin Ab Rahman ('SP6'), D/Sjn Kamaruddin, D/Sjn/W Norfaieza, Sjn/W Mazena dan L/Kpl/W Shafika telah menahan tertuduh kedua, SD3, SP9 dan seorang wanita Cina yang sedang duduk di meja makan tadi dan mereka dibawa ke tempat tertuduh pertama ditahan.

[13] Seterusnya SP5 telah membuat pemeriksaan ke atas P18 yang dirampas daripada tertuduh pertama di hadapan semua tangkapan, pegawai, dan

anggota polis di mana SP5 mendapati P18 tersebut berwarna merah jambu bertulis 'Loving You'. Di dalamnya terdapat lima peket plastik lutsinar berisi bahan disyaki dadah jenis syabu dengan anggaran berat 5,075g.

[14] Pemeriksaan lanjut ke atas kereta Nissan Teana No pendaftaran WXY 9101 dan Perodua Kembara No Pendaftaran BGE 9507 tidak menjumpai apa-apa barang salah. SP5 kemudiannya telah merampas semua barang kes tersebut dan membawa kesemua tangkapan balik ke Balai Polis Bandar Baru Bangi untuk tindakan selanjutnya.

[15] Kesemua barang kes dirampas, ditandakan dan diserahkan kepada Pegawai Penyiasat iaitu Inspektor Shaedan bin Mohd Yusoff (SP11) di Balai Polis Bandar Baru Bangi.

[16] SP11 kemudiannya telah menghantar semua barang kes ke Jabatan Kimia untuk dianalisa. Hasil analisa yang dijalankan oleh ahli kimia iaitu Nasir Kunju bin Abdul Karim (SP2) mengesahkan bahawa dadah berbahaya yang dirampas adalah jenis methamphetamine seberat 3,806.7g.

RINGKASAN KETERANGAN TERTUDUH PERTAMA ('SD1')

[17] Pada 4 April 2019, tertuduh pertama bersama teman wanitanya iaitu SD3 ingin ke Melaka untuk melawat bapa SD3.

[18] Semasa dalam perjalanan ke Melaka, SD3 telah mengajak tertuduh pertama untuk makan tengah hari bersama kawannya di kawasan Bangi Gateway.

[19] Apabila tertuduh pertama dan SD3 sampai ke restoran di kawasan tersebut, tertuduh pertama duduk di kedai tersebut sambil menunggu kawan SD3.

[20] Selepas kawan-kawan SD3 sampai ke restoran tersebut, tertuduh pertama menghala ke tempat parking untuk menghisap rokok.

[21] Semasa tertuduh pertama sedang menghisap rokok, telah datang tiga orang yang tidak dikenali memeriksa dan menggari tertuduh pertama.

[22] Selepas tertuduh pertama digari, mereka bertiga telah memperkenalkan diri sebagai polis dan tertuduh pertama terus dibawa ke Balai Polis Bandar Baru Bangi.

[23] Tertuduh pertama hanya ditunjukkan P18 semasa berada di Balai Polis Bandar Baru Bangi.

[24] Sebelum ditunjukkan dengan eksh P18 tersebut, tertuduh pertama tidak pernah nampak dan tidak mengetahui isi kandungan yang terdapat di dalam beg P18 tersebut.

RINGKASAN KETERANGAN TERTUDUH KEDUA ('SD2')

[25] Tertuduh kedua bekerja sebagai seorang mekanik dan tinggal di Melaka.

[26] Pada 3 April 2019, jam lebih kurang 7 malam, tertuduh kedua telah menerima panggilan telefon daripada tertuduh pertama meminta tertuduh kedua untuk mengambil barang di Johor Bahru dan membawanya ke Kuala Lumpur.

[27] Tertuduh kedua bersetuju dengan permintaan tersebut kerana beliau juga ingin ke Johor Bahru bersama teman wanitanya, SP9 untuk berjumpa dengan kakaknya, Pauline Ong May Lian di Kuala Lumpur.

[28] Tertuduh kedua bersama SP9 sampai di Johor Bahru pada 4 April 2019 sekitar jam 2 pagi. Pada jam 9 pagi, tertuduh kedua telah disuruh oleh tertuduh pertama untuk pergi ke sebuah kedai kopi. Pada masa itu, datang seorang lelaki Cina yang tidak dikenali di hadapan kereta tertuduh kedua sambil menyebut nama tertuduh pertama.

[29] Tertuduh kedua telah keluar dari keretanya dan mengambil P18 daripada lelaki Cina tersebut.

[30] Selepas itu, tertuduh kedua bersama-sama SP9 terus menghala ke arah Kuala Lumpur dan berjumpa dengan tertuduh pertama dan SD3 di sebuah kedai makan di Bangi Gateway, Bandar Baru Bangi.

[31] Setiba di kedai makan tersebut, tertuduh kedua bertanya kepada tertuduh pertama bila tertuduh pertama akan mengambil beg P18 tersebut lalu tertuduh pertama menjawab makan dulu dan baru ambil beg.

[32] Selepas makan, tertuduh pertama telah beredar ke kereta tertuduh kedua untuk mengambil P18 tersebut. Secara tiba-tiba, sekumpulan polis datang dan menangkap kesemua mereka termasuk kedua-dua tertuduh.

[33] Sepanjang perjalanan dari Johor Bahru sehingga ke tempat kejadian,

tertuduh kedua tidak pernah memeriksa kandungan P18 tersebut. Tertuduh kedua juga tidak menerima apa-apa upah daripada tertuduh kedua untuk mengambil P18 kerana tertuduh kedua juga secara kebetulan memang hendak pergi ke Kuala Lumpur.

RINGKASAN KETERANGAN ROSLINA BT SIRUN ('SD3')

[34] SD3 adalah kawan tertuduh pertama.

[35] Pada 4 April 2019, SD3 bersama-sama tertuduh pertama dari rumah di Selayang pergi ke tempat kejadian bersama tertuduh pertama untuk berjumpa dengan tertuduh kedua iaitu kawan kepada tertuduh pertama.

[36] Selepas sampai di parkir di tempat kejadian, mereka duduk di kedai makan.

[37] Tertuduh kedua menyuruh tertuduh pertama mengambil barang di dalam kereta tertuduh kedua.

[38] Selepas itu tertuduh pertama telah pergi ke kereta tertuduh kedua untuk mengambil P18 tersebut. Tertuduh pertama telah ditangkap bersama dengan P18.

[39] Selepas tertuduh pertama ditangkap, tertuduh kedua telah kata 'lari, lari, lari' di dalam Bahasa Cina kepada SD3 dan dua orang lagi wanita Cina.

[40] Selepas itu, kedua-dua tertuduh, SD3 dan dua orang lagi wanita Cina ditangkap oleh pihak polis.

DAPATAN MAHKAMAH TINGGI DI AKHIR KES PEMBELAAN

[41] Dapatan yang dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana di antara lainnya adalah seperti berikut:

> [47] Pembelaan OKT pertama adalah pada 4 April 2019 semasa OKT pertama ditahan bukanlah sepertimana digambarkan oleh pihak pendakwaan. Sebaliknya pembelaannya adalah pihak polis telah menahan OKT pertama di hadapan kedai makan tersebut semasa OKT pertama sedang merokok tanpa memegang apa-apa beg. Beg yang mengandungi dadah tersebut hanyalah ditunjukkan kepada OKT pertama semasa dia dibawa ke balai polis Bandar Baru Bangi.
>
> [48] Manakala pembelaan OKT kedua merupakan satu pembelaan 'cut throat' dan 'innocent carrier' yang mana secara ringkasnya OKT kedua diminta oleh OKT pertama untuk membawa beg P18 dari Johor Bahru ke Kuala Lumpur untuk dihantarkan kepada OKT pertama dan OKT kedua tidak pernah memeriksa kandungan beg P18 tersebut.

[49] Versi pembelaan OKT pertama ini dilihat cuba membayangkan bahawa pihak polis seolah-olah sengaja mengenakan OKT pertama. Namun begitu percubaan OKT pertama ini tidak mempunyai sebarang keterangan sokongan untuk mengesahkan keadaan tersebut. Mahkamah ini tentunya tidak patut dan tidak dapat menerima bahawa pihak polis sengaja berbuat demikian untuk mengenakan OKT1 tanpa apa-apa keterangan sokongan yang kukuh.

[51] OKT pertama juga membawa saksinya iaitu SD3 untuk menyokong pembelaan beliau, namun begitu keterangan SD3 hanya menunjukkan bahawa pembelaan OKT pertama adalah tidak konsisten. Pembelaan OKT pertama adalah semasa OKT pertama ditahan oleh pihak polis, beliau sedang merokok dan tidak memegang apa-apa beg pada ketika itu. Walau bagaimanapun, SD3 telah menyatakan bahawa OKT kedua telah mengarahkan OKT pertama ke keretanya untuk mengambil satu beg dan semasa OKT pertama ditahan oleh pihak polis, OKT pertama sedang memegang sebuah beg.

[52] Dari pengamatan mahkamah, naratif OKT pertama tidak memegang beg P18 ketika kejadian tidak diketengahkan oleh pihak pembelaan semasa kes pendakwaan. Dengan keadaan yang demikian, dengan kegagalan pihak pembelaan meletakkan isu bahawa beg P18 dan dadah di dalamnya hanya ditunjukkan kepada OKT pertama semasa di balai polis Bandar Baru Bangi semasa kes pendakwaan lagi, maka pembelaan OKT pertama yang dikemukakan adalah menjadi satu 'afterthought'.

[55] Dalam penganalisan mahkamah, secara ringkasnya adalah OKT kedua membentangkan pembelaannya bahawa OKT2 adalah 'innocent carrier' yang disuruh oleh OKT pertama untuk membawa beg P18 dari Johor Bahru ke kedai makan tersebut tanpa mengetahui kandungan dalam beg tersebut.

[58] Berdasarkan kepada nas-nas tersebut, OKT kedua perlu memeriksa dan menyiasat sesuatu isi kandungan barang subjek sekiranya OKT kedua mempunyai syak wasangka yang munasabah (*reasonable suspicion*) untuk beliau memeriksa isi kandungan beg tersebut dan OKT kedua mempunyai peluang untuk memeriksa isi kandungan beg tersebut.

[59] Di dalam kes ini, terdapat beberapa syak wasangka yang perlukan OKT kedua untuk memeriksa beg P18 tersebut iaitu:

(a) hubungan kedua-dua OKT yang tidak rapat yang mana hubungan mereka hanyalah sebagai mekanik dan pelanggan sahaja;

(b) tidak munasabah untuk OKT kedua untuk tidak menerima sebarang upah daripada OKT pertama untuk pergi ke Johor Bahru untuk mengambil satu beg;

(c) tidak munasabah juga untuk OKT kedua pergi ke Johor Bahru untuk mengambil satu beg sahaja semata-mata untuk kemudiannya pula pergi ke Kuala Lumpur, di mana kos untuk kurier beg tersebut adalah lebih murah dan mudah; dan

(d) OKT kedua tidak dimaklumkan OKT pertama tentang ciri-ciri seperti saiz, sifat dan berat beg tersebut, malah apa yang hendak dibawa juga tidak dimaklumkan kepada OKT kedua.

A [60] OKT kedua juga mempunyai peluang dan masa yang mencukupi untuk memeriksa beg P18 sebelum membawanya daripada Johor Bahru ke Kuala Lumpur memandangkan perjalanan tersebut mengambil masa yang agak lama (perjalanan biasanya mengambil masa 4 jam). Namun di dalam kes ini, OKT kedua telah memilih untuk tidak memeriksa beg tersebut (*shutting his eyes to the obvious*). Maka,
B pembelaan 'innocent carrier OKT kedua telah dipatahkan dengan prinsip 'wilful blindness'.

[61] Tambahan pula versi ini juga tidak dikemukakan oleh OKT kedua semasa kes pendakwaan dibentangkan dan dengan itu bersifat 'afterthought'.

C [62] Dengan penilaian-penilaian tersebut, mahkamah mendapati bahawa keterangan kedua-dua OKT adalah tidak kredibel, satu *afterthought* dan penafian semata-mata, manakala keterangan SD3 tidak dapat menyokong pembelaan OKT pertama kerana keterangan SD3 adalah tidak konsisten dengan keterangan OKT pertama.

D [66] Adalah menjadi dapatan mahkamah bahawa versi pembelaan kedua-dua OKT telah gagal menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah dan gagal mematahkan anggapan pemilikan tentang dadah berbahaya atas imbangan kebarangkalian di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952. Mahkamah dengan itu memutuskan bahawa pihak pendakwaan telah berjaya membuktikan kes secara
E melampaui keraguan yang munasabah terhadap kedua-dua OKT bagi pertuduhan yang dihadapi.

KEPUTUSAN KAMI

F **[42]** Setelah kami meneliti keseluruhan kes pendakwaan dan pembelaan, kami mendapati terdapat keterangan melimpah ruah yang mengaitkan kedua-dua tertuduh dengan pertuduhan ini di mana telah dibuktikan secara jelas kedua-dua mereka dengan niat bersama telah mengedar dadah berbahaya iaitu methamphetamine seberat 3,806.7g tersebut.

G

[43] Berdasarkan keterangan yang dikemukakan, pada awalnya P18 yang mengandungi dadah tersebut berada di dalam kawalan dan jagaan tertuduh kedua di Johor Bahru sebelum ianya bertukar tangan kepada tertuduh pertama di Bangi. Laungan tertuduh kedua menjerit perkataan 'lari, lari, lari' di dalam
H Bahasa Cina kepada SD3, SP9 dan Pauline Ong May Lian sebaik-baik sahaja tertuduh kedua melihat tertuduh pertama ditangkap, membuktikan kedua-dua tertuduh mempunyai pengetahuan bahawa dadah yang berada di dalam beg tersebut mengandungi dadah berbahaya.

I

[44] Sewajarnya ditekankan bahawa berdasarkan kepada rentetan keterangan yang dikemukakan, perjumpaan kedua-kedua tertuduh dan rakan-rakan mereka di kedai makan di Bangi tersebut bukan berlaku secara kebetulan. Ianya terjadi hasil daripada perancangan awal ('pre-arranged plan')

yang direncanakan ('orchestrated') oleh kedua-dua tertuduh sebelum mereka ditangkap.

[45] Di dalam kes *Krishna Rao a/l Gurumurthi v Public Prosecutor and another appeal* [2009] 3 MLJ 643; [2009] 2 CLJ 603 mahkamah memutuskan seperti berikut:

> [61] The existence of a common intention is a question of fact in each case to be proved mainly as a matter of inference from the circumstances of the case. It has been said that as common intention essentially being a state of mind direct evidence as proof is difficult to procure. Invariably inferences have to be relied upon arising from such acts or conduct of the accused, the manner in which the accused arrived at the scene, the nature of injury caused by one or some of them or such other relevant circumstances available. Indeed the totality of the circumstances must be taken into consideration in arriving at a conclusion whether there was common intention to commit the offence for which the accused can be convicted. The facts and circumstances of each case may vary. As such each case has to be decided based on the facts involved. Whether an act is in furtherance of the common intention is an incident of fact and not of law.
>
> [62] For a charge premised on common intention to succeed it is essential for the prosecution to establish by evidence, direct or circumstantial, that there was a plan or meeting of mind of all the accused persons to commit the offence for which they are charged with the aid of s 34 notwithstanding that it was pre-arranged or on the spur of the moment provided that it must necessarily be before the commission of the offence.

[46] Mengikut keterangan tertuduh pertama, beliau ditangkap semasa sedang menghisap rokok di tempat parkir kereta dan bukannya sepertimana dakwaan SP5 bahawa beliau ditahan semasa sedang memegang P18 memberi tanggapan bahawa pihak polis sengaja hendak mengenakan beliau sedangkan dadah tersebut bukan berada di dalam kawalan eksklusif tertuduh pertama. Malangnya pada hemat kami, tiada keterangan yang dapat dibuktikan oleh pihak pembelaan berlakunya penganiayaan oleh pihak polis terhadap tertuduh-tertuduh.

[47] Mahkamah Rayuan di dalam *Wan Amirul Mubin bin Wan Kamaruddin v Public Prosecutor* [2017] MLJU 1253; [2017] 1 LNS 1478 memutuskan seperti berikut:

> ... It is unthinkable that PW4 had fabricated evidence in view of the complete absence of any evidence or allegation by the appellant that PW4 had made up a story regarding exh P30. In fact, the appellant admitted during cross-examination that PW4, PW5 as well as PW7 had absolutely no reasons to lie about him. PW4 and PW5 were police officers who were merely performing their duties and they had no reasons to lie or to frame up the appellant whom they said they did not know.
>
> [30] It is significant to bear in mind that since both PW4 and PW5, were carrying

on their official duties at the relevant time, in law the court is entitled to presume that their official acts were regularly performed and prima facie they did so honestly and conscientiously. Section 114 illustration (e) of the Evidence Act 1950 in this regard provides that the court may presume that judicial and official acts have been regularly performed. In the case of *Public Prosecutor v Dato' Seri Anwar Ibrahim* [2014] 4 CLJ 162, the Court of Appeal said:

> It must be borne in mind that s 114 illustration (e) of the Evidence Act 1950 provides that the court may presume that judicial and official acts have been regularly performed. In *State of Punjab v Rameshwar Dass* [1957] Cri LJ 1630, the Punjab and Haryana Court held at p 1631 as follows:
>
> > It is well settled that prima facie the public servants must be assumed to act honestly and conscientiously. It would, therefore, be basically wrong, without other cogent ground to consider them as untrustworthy witness in respect of their activities in performance of their official duties merely because of their official status unless the evidence is considered to be suspicious and that the conviction of the accused cannot be sustained on the statements of the official witnesses. The presumption that a person acts honestly applied as much in favour of a police officer as of other persons, and it is not a judicial approach to distrust and suspect him without good grounds?
>
> [31] Accordingly, without cogent reasons that would allow us to hold otherwise, it would be manifestly wrong to consider PW4 and PW5 as untrustworthy witnesses in handling this case. In the end what we have before us is nothing more than the bare oral testimony which was a mere denial.

[48] Peguam tertuduh pertama yang bijaksana juga menghujahkan bahawa hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana telah terkhilaf dari segi undang-undang dan fakta apabila gagal menilai keterangan secara maksima apabila tidak mengambil kira ketiadaan keterangan sokongan seperti rakaman CCTV di tempat kejadian bagi menunjukkan keadaan sebenar yang terjadi semasa kejadian.

[49] Pada hormatnya, kami tidak bersetuju dengan penghujahan tersebut. Tertuduh pertama telah ditangkap ketika sedang memegang P18. Apa lagi yang tertuduh pertama hendak katakan selain daripada terpaksa menafikan mempunyai pengetahuan terhadap dadah tersebut. Di dalam situasi sebegini pada hemat kami, keterangan CCTV hanya mempunyai nilai sokongan yang kecil sahaja. Keterangan CCTV hanyalah releven dan mempunyai kesan yang ketara (*significant*) bila identiti seseorang menjadi isu pertikaian utama namun kes seperti itu tidak berlaku di hadapan kami.

[50] Di dalam kes *Pendakwa Raya v Mansor Bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, Mahkamah Persekutuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Chong Siew Fai CJSS (beliau pada ketika itu) menyatakan seperti berikut:

We also find ourselves in agreement with the learned deputy public prosecutor that the learned trial judge had erred in law when he faulted PW13 the investigating officer for not lifting the finger prints off the wrappings of the cannabis and for not taking photographs of the street light in front of the house No 129. Where the identity of a culprit is in question or required to be proved, fingerprint evidence would be of great significance and immense value. In the present case under appeal, however, the charge alleged trafficking in the form of sale and there is evidence indicating the identities of the alleged offenders and the sale transaction. Fingerprint evidence on the newspaper wrapping, white plastic and the loytape, therefore, assumes little value or significance.

[51] Di dalam kes *Public Prosecutor v Ebrahim Mirzaie Hj Ebrahim Deh Mokhtar* [2017] 3 MLJ 827; [2017] 1 CLJ 575 Mahkamah Rayuan melalui penghakiman yang disampaikan oleh Ahmadi Asnawi HMR (beliau pada ketika itu) memutuskan seperti berikut:

[38] The evidential value of CCTV evidence. DNA profiles and fingerprint impressions as decided by high authority is only corroborative. The learned trial judge correctly appreciated the position. In *Pendakwa Raya v Mansor Bin Mohd Rashid & Anor* [1996] 3 MLJ 560; [1997] 1 CLJ 233, the Federal Court stated that:

> Where the identity of a culprit is in question or required to be proved, fingerprint evidence would be of great significance and immense value. In the present case under appeal, however, the charge alleged trafficking in the form of sale and there is evidence indicating the identities of the alleged offenders and the sale transaction. Fingerprint evidence on the newspaper wrapping, white plastic and the loytape, therefore, assumes little value or significance.

[39] Now, having scrutinised the evidence, we were with the learned DPP that even without the CCTV evidence, DNA profiles and fingerprint impressions, there are sufficient evidence to prove the prosecution's case.

[40] The evidence of both PW2 and PW3 (DSM Hairudin bin Abdullah) were uncontroverted that they saw the respondent pulling the bag, exh. P10, before and at the time they approached the respondent. The bag they saw and seized was a brown coloured bag carrying the 'Sphere' brand name, exh. P10. It was the respondent himself who had put the said bag in the scanning machine and it was equally the respondent himself who had carried the said bag to the narcotics office. Both testified that the examination of the said bag was done in the presence of the respondent. These are uncontroverted direct evidence which needs no further support for its sustenance.

[52] Di dalam kes *Public Prosecutor v Badrulsham bin Baharom* [1988] 2 MLJ 585; [1987] 1 LNS 72; [1987] CLJU 72, Lim Beng Choon H memutuskan seperti berikut:

In the present case, the prosecution had clearly established that the accused was in actual physical custody and control of P3 and its contents. From the totality of the evidence, the prosecution had also clearly established that the accused had the

necessary knowledge of P6AH and the nature of the dangerous drugs in question. In the circumstances, I cannot find fault with the police for failing to send the exhibits to the chemist in order to carry out finger print tests. The contention of the learned defence counsel, with due respect, amounts to nothing more than to ask this court to determine not whether there was sufficient evidence adduced before this court to warrant a conviction of the accused but to determine that the methodology of the police investigation must be 100% correct regardless of the fact that the police had gathered more than sufficient evidence to sustain a conviction of the accused.

KESIMPULAN

[53] Setelah meneliti keseluruhan keterangan yang dikemukakan di peringkat kes pendakwaan dan pembelaan, kami mendapati pihak pembelaan telah gagal untuk menimbulkan apa-apa keraguan yang munasabah terhadap kes pendakwaan. Kami juga mendapati bahawa pihak pembelaan juga gagal untuk mematahkan anggapan di bawah s 37(d) Akta Dadah Berbahaya 1952.

[54] Dengan itu, kami sebulat suara mendapati tiada merit di dalam rayuan terhadap sabitan ini bagi mewajarkan kami campur tangan terhadap dapatan yang telah dibuat oleh hakim Mahkamah Tinggi yang bijaksana.

HUKUMAN

[55] Mengenai hukuman, dengan berkuatkuasanya Akta Pemansuhan Hukuman Mati Mandatori 2023 (Akta 846) pada 4 Julai 2023, mahkamah ini boleh mempertimbangkan pelbagai faktor di dalam melaksanakan kuasa budibicaranya untuk menentukan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan sama ada untuk menjatuhkan hukuman mati atau pemenjaraan seumur hidup (30 tahun) dan hendaklah jika tidak dihukum mati, dikenakan tidak kurang daripada 12 kali sebatan.

[56] Di dalam konteks ini, tidak dinafikan bahawa jumlah berat dadah methamphetamine sepertimana pertuduhan adalah besar (3,806.7g). Namun begitu, di dalam menentukan hukuman yang bersesuaian dengan kesalahan yang dilakukan, mahkamah di peringkat rayuan ini bukan sahaja harus melihat kepada berat dadah yang dirampas tetapi harus juga mengambil pertimbangan faktor-faktor sampingan lain di mana di antaranya termasuk juga rayuan peringanan dan pemberatan hukuman sepertimana yang dihujahkan oleh pihak-pihak.

[57] Justeru itu kami memerintahkan seperti berikut:

(a) rayuan perayu/tertuduh kedua dibenarkan sebahagian;

(b) rayuan terhadap sabitan ditolak. Sabitan untuk pertuduhan di bawah s 39B(1)(a) Akta Dadah Berbahaya 1952 dikekalkan; dan

(c) rayuan terhadap hukuman dibenarkan. Hukuman gantung sampai mati diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama 30 tahun dari tarikh tangkap 4 April 2019 dan 12 dua belas kali sebatan.

Rayuan tertuduh kedua terhadap sabitan ditolak; rayuan tertuduh kedua terhadap hukuman dibenarkan; hukuman gantung sampai mati diketepikan dan digantikan dengan hukuman pemenjaraan selama 30 tahun dari tarikh tangkap dan 12 sebatan.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar